

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## SESI RAMAH MESRA BERSAMA RAKAN STRATEGIK KEPENGGUNAAN KPDNHEP TAHUN 2020

**PUTRAJAYA, 4 FEBRUARI 2020** – Libat-urus dan komunikasi dua-hala yang berterusan merupakan aspirasi dan budaya yang telah dilestarikan sejak saya memimpin kementerian ini. Pemegang taruh, rakan strategik, rakan-niaga, pengguna, NGOs, dan kakitangan adalah entiti yang kami sangat hargai yang mesti sentiasa kami libat-urus dan berkomunikasi.

Sesi Ramah Mesra Bersama Rakan Strategik Kepenggunaan KPDNHEP adalah salah satu manifestasi kepada aspirasi tersebut. Kami membuka dekad baru dan tahun baru 2020 dengan menyediakan platform ini untuk mengapresiasi segala usaha dan sumbangan seluruh rakan strategik kepenggunaan yang terdiri daripada kalangan persatuan pengguna, pemain-pemain industri, ahli-ahli akademik dan agensi-agensi kerajaan dalam memperkasakan fungsi Kementerian khususnya dalam aspek kepenggunaan sepanjang tahun 2019.

Perkara utama yang dibicarakan pada sesi ini menumpukan kepada **tiga (3) perkara** iaitu **perlindungan dan pendayaupayaan pengguna, pencapaian Kementerian pada tahun 2019, dan aspirasi Kementerian bagi tahun 2020.**

Saya telah nyatakan dalam amanat saya kepada seluruh warga Kementerian semasa Kick-off Meeting 2020 menggariskan 5 agenda utama yang menjadi teras kementerian dalam tahun 2020 ini iaitu:

1. Melaksanakan pendigitalan dalam sektor perniagaan;
2. Mengoptimumkan program subsidi;
3. Menginstitusikan data analitik sebagai asas pembuatan keputusan dan pelaksanaan dasar, program dan projek kementerian;
4. Mewujudkan eko-sistem perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing dan mampan; dan
5. Memperkasa Hak Pengguna.

Program hari ini membuktikan teras agenda kelima bahawa kami **fokus dan komited** dalam **memperkukuhkan perlindungan dan pendayaupayaan pengguna** bagi tujuan kesejahteraan rakyat dan negara. **Aktiviti penguatkuasaan** yang berkaitan dengan

**kawalan harga, kawalan barangan, penyelewengan subsidi dan salah guna harta intelek umpamanya**, sentiasa dipertingkatkan saban tahun. Pada tahun **2019** Kementerian telah meminda **Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Pindaan) 2019** yang melibatkan **peningkatan had nilai** bidang kuasa **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia** untuk mendengar kes-kes tuntutan **daripada RM25,000.00 kepada RM50,000.00**. Selaras dengan peningkatan nilai tuntutan, **nilai penalti maksima** apabila disabitkan denda untuk ketidakpatuhan kepada *award* TTPM juga telah dipertingkatkan.

Melalui **Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL)** yang merupakan salah satu platform utama negara bagi membincangkan isu kos sara hidup, kita dapat lihat pelaksanaan **Program Food Bank Malaysia, kad My100 dan My50 bagi tambang pengangkutan awam/tren/bas rapid KL/MRT/LRT/Monorel, penambahbaikan pelaksanaan skim kawalan harga musim perayaan**, perwujudan kerjasama antara KPDNHEP dan MOA dalam merangka program jualan barangan pengguna dan memastikan bekalan sentiasa cukup dan tidak menjejaskan harga barang.

Bagi mempergiatkan lagi aspirasi Kementerian pada **tahun 2020, Program Food Bank Malaysia** yang telah memberi **manfaat kepada 531,567 isi rumah dan 12,251 pelajar IPTA**, kementerian akan **mensasarkan tambahan sebanyak 123** buah universiti yang akan menyertai program ini.

Mendepani era pendayaupayaan pengguna yang lebih mencabar pada masa akan datang, Kementerian akan memberi penekanan kepada pelaksanaan program-program kepenggunaan yang diterapkan dengan **tema penggunaan mampan (*sustainable consumption*)**, selaras dengan tema bagi Hari Hak Pengguna Sedunia Tahun 2020. Ini kerana penerapan unsur penggunaan mampan dilihat masih tidak mencukupi, terutamanya dalam memastikan barangan yang memberikan kesan negatif kepada alam sekitar tidak lagi digunakan.

**-TAMAT-**

**Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Encik Mohd Zaid bin Idris**

**Pengarah (Bahagian Penyelidikan dan Dasar Kepenggunaan)**

Tel : 03-88825842 / 019-282 9035

Faks: 03-88826860

Emel: mohdzaid@kpdnhep.gov.my



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION